



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 14/2002
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

LANTIKAN MEMANGKU JAWATAN DALAM BAHAGIAN III

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini adalah dimaklumkan bahawa semua jawatan dalam Bahagian III di semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang belum disenaraikan dalam surat-surat keliling Jabatan Perdana Menteri atau Pejabat Setiausaha Kerajaan sebagai jawatan-jawatan yang boleh dipangku sebelum ini, adalah dengan ini dikira telah termasuk ke dalam senarai jawatan-jawatan yang boleh dipangku menurut Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan bilangan 9/1981, sepertimana juga halnya jawatan-jawatan dalam Bahagian I dan II pada masa ini.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

والسلام

(DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (14)/JPM/SK/2002
Tarikh : 29 Ramadhan 1423
04 Disember 2002